

KOLEKSI SOALAN
PERCUBAAN SPM
TASAWWUR ISLAM
TAHUN 2023

BAHAGIAN B

SOALAN 6

TERENGGANU
JOHOR
PAHANG
PERAK
SARAWAK

DISEDIAKAN OLEH:
CIKGU SITI NASRAH BINTI DAUD
SMK TEJA PUTRA, DUNGUN, TERENGGANU

TERENGGANU

- 6 (a) (i) Senaraikan **dua** konsep hiburan di dalam Islam. [2 markah]
(ii) Huraikan **dua** adab dan etika berhibur dalam Islam [4 markah]
(iii) Nyatakan **dua** jenis hiburan yang bertepatan dengan syariat Islam. [2 markah]
- (b) (i) Apakah **maksud** kesenian Islam? [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** adab dan etika kesenian Islam [2 markah]
- (c) Nyatakan **dua** prinsip negara Islam [2 markah]



- (d) Bagaimanakah prinsip di atas dapat direalisasikan selaras dengan tanggungjawab anda sebagai seorang rakyat? Huraikan pendapat anda. [6 markah]

SARAWAK

Maksud ayat “ Sesungguhnya kami ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik baiknya.”
(surah at-Tin 95:4)

- 6 (a) (i) Terangkan maksud Insan. [2 markah]
(ii) Nyatakan **empat** proses kejadian manusia sebelum Allah SWT meniupkan roh kedalam tubuh janin. [4 markah]
(iii) Jelaskan **dua** keistimewaan manusia berbanding makhluk lain. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** tindakan yang patut anda lakukan untuk memelihara fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi. [4 markah]
(ii) Terangkan akibat yang akan terjadi jika manusia menggunakan akal untuk berfikir tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Hadis. [6 markah]

JOHOR

- 6 (a) Nyatakan maksud kesenian Islam? [2 markah]
- (b) Terangkan tindakan yang boleh dilakukan agar dapat merealisasikan adab dan etika kesenian Islam dalam kehidupan? [2 markah]



Gambar anak-anak bersalaman dengan ibu bapa sebelum ke sekolah

- (c) Terangkan peranan anda sebagai seorang anak terhadap ibubapa? [6 markah]
- 6 (d) Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Keharmonian dan kecemerlangan pentadbiran sebuah negara dapat dicapai apabila pemimpin dan rakyat saling menyayangi, menghormati dan mendoakan.

- Terangkan **dua** usaha yang boleh dilakukan oleh individu bagi mencapai kejayaan dalam pemerintahan Islam. [4 markah]
- (e) (i) Jelaskan peranan pemerintah untuk mengukuhkan tanggung jawab Khilafah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam. [4 markah]

PAHANG

6. (a) Jelaskan **dua** prinsip pergaulan dalam Islam. [4 markah]

Anda ingin menyertai pertandingan seni ukiran yang diadakan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

- (b) (i) Nyatakan **dua** jenis kesenian yang dibenarkan dalam Islam selain daripada di atas. [2 markah]

- (ii) Apakah jenis ukiran yang akan anda pilih dalam pertandingan tersebut. Jelaskan. [4 markah]

(c) (i) Huraikan **dua** prinsip muamalat Islam.

[4 markah]

(ii) Terangkan **dua** amalan muamalat Islam yang selari dengan kehendak syarak.

[4 markah]

(d) Nyatakan **dua** keunggulan sistem perundangan Islam.

[2 markah]

PERAK

- 6 (a) Apakah maksud kesenian Islam [2 markah]

- (b) Jelaskan **dua** ciri hiburan yang menjadi ibadah. [4 markah]

- (c) Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam. [4 markah]

- (d)



Huraikan kelebihan yang diperolehi oleh sesebuah organisasi yang memiliki seorang pemimpin seperti pemimpin X di atas.

[6 markah]

- (e) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap individu. [4 markah]

PANDUAN PENSKORAN

TERENGGANU

6	(a)	(i)	Dua Konsep hiburan dalam Islam - Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa. - Berhibur selari dengan kehendak syariat. - Meliputi aspek iman dan akhlak. - Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah. - Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Dua adab dan etika berhibur dalam Islam ialah: - Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan. - Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak. - Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam. - Sentiasa memelihara ibadat wajib ketika berhibur. - Menghasilkan karya hiburan yang asli. - Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas. - Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat. - Tidak mengganggu dan menzalimi orang lain.	2 isi x 4m =4 markah
		(iii)	Dua jenis hiburan yang bertepatan dengan syariat Islam ialah: - Mendengar radio - Membaca novel - Bersukan - Alunan zikir - Nasyid - Mendengar muzik	2 isi x 1m =2markah
	(b)	(i)	Maksud kesenian Islam ialah aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan menurut syarak.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua adab dan etika kesenian Islam ialah; - Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan. - Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak. - Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam. - Sentiasa memelihara ibadah wajib semasa berkarya. - Mencipta karya yang asli. - Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas. - Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat. - Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain.	2 isi x 1m =2 markah
	(c)		Dua prinsip negara Islam ialah; - Musyawaharah (Al- Syura) - Keadilan (Al- 'Adalah) - Kebebasan (Al- Hurriyyah) - Persamaan (Al- Musawwah)	2 isi x 1m = 2 markah

	(d)	Setiap rakyat mestilah mengamalkan sikap saling menghormati kepercayaan agama masing-masing(F/1m) agar dapat melahirkan masyarakat yang harmoni (H1/1m) contohnya ziarah-menziarahi semasa musim perayaan (H2/1m). Hal ini mewujudkan sikap toleransi antara kaum (H3/1m) yang boleh meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat (H4/1m). Oleh itu sebagai seorang warganegara kita mestilah menumpahkan taat setia kepada negara agar beroleh kesejahteraan.(K/1M)	F -1M H1 -1M H2 -1M H3 -1M H4 -1M K -1M =6 markah
--	-----	---	---

JOHOR

6	(a)	Maksud kesenian Islam. - Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia/ bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.	[2 markah]
	(b)	Tindakan yang boleh dilakukan agar dapat merealisasikan adab dan etika kesenian islam dalam kehidupan. -menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan -hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak -kesenian yang berteraskan nilai akhlak islam -sentiasa menjaga ibadah wajib ketika berkarya -mencipta karya yang asli -berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas -tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat	[2 markah]
	(c)	Sebagai seorang anak, peranan saya terhadap ibubapa. -mematuhi ajaran agama -menjauhi perbuatan mungkar -mematuhi nasihat daripada ibu bapa -berbakti kepada ibu bapa -berkomunikasi dengan sopan -membantu ibu bapa di rumah -menjaga maruah ibu bapa -menghormati rakan kedua ibu bapa -Mendoakan ibu bapa ketika masih hidup atau telah meninggal dunia Contoh jawapan: Sebagai seorang anak, peranan saya terhadap ibubapa: -Saya akan berbakti kepada ibu bapa(1m)kerana mereka telah mendidik saya dengan baik(1m)dari saya kecil hingga dewasa.(1m)Contohnya mengajar saya mengenal Allah(1m)kesannya saya akan menjadi anak yang soleh.(1m)Kesimpulannya kita hendaklah mentaati ibu bapa sehingga ke akhir hayat kita agar diredhai Allah.(1m)	[6 markah] (isi + h1 + h2+h3+h4+ kesimpulan)

6	(d)	Dua usaha yang boleh dilakukan oleh individu bagi mencapai kejayaan dalam pemerintahan Islam. - Meninggikan syariat dan syiar Islam - Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan. -Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat menyumbang kepada negara. -Mentaati arahan pemerintah bagi perkara yang tidak menyalahi syariat. -Mengamalkan sikap hormat menghormati terhadap satu samal lain tanpa mengira bangsa dan agama. -Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.	[4 markah]				
	(e)	(i) Peranan pemerintah untuk mengukuhkan tanggung jawab Khilafah. - Pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis demi meraih keredaan Allah SWT - Mementingkan sikap saling menghormati dalam masyarakat. - Menjalankan tadbir urus yang menjamin keamanan dan kestabilan negara. - Melaksanakan keadilan terhadap semua pihak agar rakyat tidak berasa dizalimi. (ii) Dua perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam. <table><tr><th>Negara Islam</th><th>Negara Bukan Islam</th></tr><tr><td> - Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah. - Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara. - Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa. - Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara. </td><td> - Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat. -Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan. - Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin. - Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara. </td></tr></table>	Negara Islam	Negara Bukan Islam	- Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah. - Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara. - Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa. - Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara.	- Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat. -Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan. - Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin. - Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.	[2 markah] [4 markah]
Negara Islam	Negara Bukan Islam						
- Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah. - Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara. - Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa. - Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara.	- Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat. -Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan. - Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin. - Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.						

SARAWAK

6	(a)	(i)	<u>Maksud insan</u> Makhluk ciptaan Allah yang dikurniakan akal untuk berfikir mana yang baik dan mana yang buruk/mana yang hak mana yang bathil.	[1 Isi X 2 m] [2 Markah]
		(ii)	<u>Proses kejadian manusia</u> 1. Nutfah (permanian) 2. Alaqah (segumpal darah) 3. Mudghah (seketul daging) 4. 'Izam dan Lahm (daging yang dibaluti tulang)	[4 Isi X 1 m] [4 Markah]
		(iii)	<u>Dua keistimewaan manusia berbanding makhluk lain</u> 1. Dikurniakan akal untuk berfikir untuk berfikir 2. Diberikan kitab sebagai panduan hidup 3. Dilantik sebagai Khalifah untuk mentadbir bumi	[2 Isi X 2m] [4 Markah]
	(b)	(i)	<u>Dua tindakan yang patut dilakukan untuk memelihara fitrah kejadian manusia</u> 1. Menjaga tingkah laku dalam pergaulan 2. Membina hidup berkeluarga berasaskan ketakwaan 3. Melaksanakan setiap amanah dengan penuh tanggungjawab	[2 Isi X 2m] [4 Markah]
		(ii)	<u>Akibat yang akan terjadi</u> 1. Keputusan yang dibuat tidak tepat /kerana akal sering berubah- rubah tanpa bimbingan Wahyu atau Hadis/, ia menjadi rujukan pertama dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul seperti masalah perkahwinan dsb. 2. Boleh memesongkan pemikiran manusia/kerana akal semata-mata tidak dapat menentukan baik buruknya sesuatu perkara/tanpa bimbingan dari Allah SWT.	[2 Isi X 2h X 2hl] [6 Markah]

PAHANG

6	(a)	♦ Bermatlamatkan keimanan (1m) agar perkara mungkar dapat dihindari (1m). ♦ Berlandaskan syariat Islam (1m) agar mendapat keredaan Allah SWT (1m). ♦ Mengutamakan keamanan / keharmonian (1m) supaya kehidupan masyarakat sejahtera (1m).	(2 isi x 2 m)									
	(b)	(i) ♦ Kaligrafi ♦ Seni khat ♦ Seni seramik ♦ Seni fotografi ♦ Seni reka fesyen muslimah Jawapan munasabah diterima	(2 isi x 1 m)									
	(ii)	Rubrik Pengskoran :- <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>♦ Menyatakan satu pandangan sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>♦ Menjelaskan pandangan. ♦ Huraian ringkas.</td><td>1m</td></tr><tr><td>♦ Menghuraikan pandangan. ♦ Huraian yang lengkap. ♦ Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>1m</td></tr><tr><td>♦ Rumusan / kesimpulan ♦ Olahan jawapan yang tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>1m</td></tr></table> Contoh jawapan :- Ukiran bertemakan tumbuhan (F) bagi menzahirkan keagungan Allah SWT melalui ciptaan-Nya (H1) seperti seni ukiran (H2). Kesimpulannya kita perlulah menceburkan diri dalam bidang kesenian yang selari dengan syarak. (H3) Cadangan isi :- ♦ Ukiran seramik. ♦ Ukiran gading. ♦ Ukiran kayu ♦ Ukiran batu.	Kriteria	Skor	♦ Menyatakan satu pandangan sahaja.	1m	♦ Menjelaskan pandangan. ♦ Huraian ringkas.	1m	♦ Menghuraikan pandangan. ♦ Huraian yang lengkap. ♦ Contoh atau sebab atau dalil sokongan.	1m	♦ Rumusan / kesimpulan ♦ Olahan jawapan yang tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m
Kriteria	Skor											
♦ Menyatakan satu pandangan sahaja.	1m											
♦ Menjelaskan pandangan. ♦ Huraian ringkas.	1m											
♦ Menghuraikan pandangan. ♦ Huraian yang lengkap. ♦ Contoh atau sebab atau dalil sokongan.	1m											
♦ Rumusan / kesimpulan ♦ Olahan jawapan yang tepat, jelas, relevan dan menarik.	1m											

	(c)	(i)	♦ Kerelaan dalam mengurus niaga (1m) antara dua belah pihak. (1m) ♦ Tidak mengandungi elemen haram (1m) seperti riba / gharar / perjudian. (1m) ♦ Urusniaga tidak membawa kepada kerosakkan (1m) terhadap ekonomi / sosial. (1m)	(2 isi x 2 m)
		(ii)	♦ Menggunakan produk insuran Islam /Takaful (1m) dalam kehidupan. (1m) ♦ Membuat gadaian secara Islam / ar-Rahnu (1m) bukan secara konvensional. (1m) ♦ Sewa menyewa / al-Ijarah (1m) dengan kontrak yang dipersetujui bersama. (1m) ♦ Membuka akaun simpanan Islam / al-Wadi'ah (1m) dalam sistem perbankan Islam (1m) ♦ Melabur dalam skim yang patuh syariah / al-Mudharabah (1m) agar harta diberkati. (1m) ♦ Berjual beli dengan jujur / amanah / al-Murabahah / al-Bai' Bithaman 'Ajl (1m) seperti tidak menipu. (1m)	(2 isi x 2 m)
		(d)	♦ Hukuman yang adil ♦ Bersifat tetap / Thabat ♦ Mendidik jiwa manusia ♦ Lengkap / Bersifat Syumuliyah ♦ Hukuman bersifat memberi pengajaran ♦ Sesuai untuk semua / Bersifat 'Alamiyyah ♦ Ciptaan Allah SWT / Bersifat Rabbaniyyah	(2 isi x 1 m)

PERAK

6	(a)	Kesenian Islam bermaksud aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia (1m) bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan (1m) yang menepati syarak (1m)	2 markah
	(b)	• Menghindari lagu yang mengandungi unsur lucah (1m) /yang dilarang Allah (1m) • Memakai pakaian menutup aurat (1m) /semasa menyertai persembahan nyanyian.(1m) • Menghentikan permainan di internet (1m)/ apabila mendengar azan berkumandang.(1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian
	(c)	• Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah (1m) /melalui setiap tindakan yang dilakukan(1m) • Mengetahui batasan manusia dalam berhibur (1m)/ agar tidak menyeleweng daripada syariat.(1m) • Menjaga jiwa dan maruah diri (1m) /kerana umat Islam umat terbaik (1m) • Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam (1m)/ supaya martabat manusia terpelihara. (1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian

(d)	<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu pandangan (F)</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan / Penerangan huraian yang lengkap (H4)</td><td>4M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas</td><td>5M</td></tr><tr><td>Rumusan / kesimpulan yang lengkap</td><td>6M</td></tr><tr><td colspan="2">Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td></tr></table> Cadangan isi/fakta • Urusan syarikat menjadi semakin lancar • Dapat menaikkan imej syarikat • Sesuatu urusan dapat diselesaikan secara rundingan dan muafakat • Syarikat akan berkembang maju • Dapat meningkatkan keuntungan syarikat	Kriteria	Skor	Menyatakan satu pandangan (F)	1M	Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M	Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M	Menghuraikan pandangan / Penerangan huraian yang lengkap (H4)	4M	Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	5M	Rumusan / kesimpulan yang lengkap	6M	Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik		6 markah
Kriteria	Skor																	
Menyatakan satu pandangan (F)	1M																	
Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M																	
Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M																	
Menghuraikan pandangan / Penerangan huraian yang lengkap (H4)	4M																	
Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	5M																	
Rumusan / kesimpulan yang lengkap	6M																	
Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik																		
(e)	• Menimbulkan nilai keimanan dan ketakwaan(1m) apabila mematuhi perintah Allah (1m) • Menjaga hubungan baik antara ketua dengan ahli-ahlinya (1m) dengan mengambil berat antara satu sama lain (1m) • Menjalankan urusan dengan penuh amanah dan tanggungjawab (1m) agar hidup diberkati Allah (1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian																